



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	29/10/2019	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Pembinaan dijangka siap lebih awal

KUANTAN - Projek menaiktaraf dan pembinaan tebatan banjir Sungai Belat di sini dijangka disiapkan lebih awal daripada tempoh ditetapkan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, projek yang dibina di bawah Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan pakej 1 itu dimulakan pada Januari 2018 dan dijadualkan siap Januari 2021 dengan kos RM118.4 juta.

Menurutnya, berdasarkan kepada perkembangan projek terkini yang sudah di peringkat 51 peratus siap, ia dijangka dapat disiapkan sepenuhnya lebih awal daripada tempoh ditetapkan.

"Kalau kita tengok perkembangan projek itu, saya percaya dan berharap ia dapat disiapkan lebih awal daripada tempoh ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas lawatan kerja bagi meninjau persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) di Depoh Simpanan Keperluan Bencana Kompleks Penyayang Jabatan Kebaji-



Wan Azizah (dua dari kiri) meninjau projek menaiktaraf dan pembinaan tebatan banjir Sungai Belat semalam.

kan Masyarakat (JKM) Pahang di sini semalam.

Terdahulu pada lawatan kerja itu, beliau turut turun padang meninjau tapak projek tersebut.

Projek di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli yang dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang itu melibatkan kawasan tadahan seluas 1,684 kilometer persegi melibatkan 16 sub lembangan sungai

antaranya Sungai Belat Sungai Galing, Sungai Kenau, Sungai Pandan dan Sungai Panching.

Projek ini sebahagian daripada RM527 juta yang diluluskan kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) di bawah Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan bagi mengatasi masalah banjir dan kualiti air sungai di bandar Kuantan dan sekitarnya.